

# Majlis Pelancaran Program Publisiti Meningkatkan Penggunaan Kayu Tempatan

Rabu, 13 Februari 2013 16:37



**- MALAY VERSION ONLY -**

UCAPAN ALUAN OLEH Y.BHG. DR JALALUDDIN HARUN,  
KETUA PENGARAH MTIB  
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PUBLISITI MENINGKATKAN PENGGUNAAN KAYU  
TEMPATAN  
11 OGOS 2009 (SELASA)  
HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR

Terima kasih saudara /saudari Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Dato' Hamzah Zainuddin  
Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Ahli-ahli Jemaah Lembaga MTIB

Pegawai-pegawai kanan kementerian

Tetamu-tetamu jemputan,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya bagi pihak MTIB ingin mengucapkan terima kasih di atas kesudian Y. B. Dato' Hamzah Zainuddin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) kerana sudi meluangkan masa untuk menghadiri serta menyempurnakan Pelancaran Program Publisiti Meningkatkan Penggunaan Kayu Tempatan' anjuran Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.

Saya juga amat menghargai kehadiran tetamu-tetamu jemputan kita ke Majlis Pelancaran ini,

Yang Berhormat Datuk, tetamu-tetamu jemputan, tuan-tuan dan puan-puan,

Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk menerangkan serba sedikit berkenaan program ini. Program ini adalah sebahagian dari program induk Penggalakan Pasaran Kayu Tempatan yang telah dilancarkan pada tahun 2007 oleh Y. B. Datuk Peter Chin Fah Kui yang ketika itu merupakan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Di bawah program ini, terdapat pelbagai aktiviti-aktiviti utama yang telah dan sedang giat dijalankan seperti penyertaan dalam pameran, penganjuran seminar dan T-talk, pembangunan produk, promosi dalam penggunaan atau aplikasi standard atau garispanduan dan juga latihan kepada mereka yang relevan, dan salah satunya juga adalah kempen promosi, publisiti dan pengiklanan.

Bagi tujuan publisiti ini, MTIB dengan kerjasama pihak industri telah merancang serta bersama-sama menjayakan aktiviti ini yang melibatkan kempen promosi dan publisiti secara intensif. Siri iklan-iklan bagi program ini telah ditempatkan di lokasi yang strategik seperti di papan-papan iklan di lebuh raya dan juga ditempatkan di bandar-bandar utama di negara ini. Paparan media ini akan turut juga diadakan di berbagai media elektronik seperti televisyen dan media cetak seperti majalah tempatan dan suratkhbar utama.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Adalah diharapkan melalui publisiti yang sedang dilaksanakan ini, ia sedikit sebanyak dapat meningkatkan kesedaran serta mendedahkan masyarakat umum tentang industri perkayuan di Malaysia serta dapat memupuk sifat menghargai dan mencintai kayu Malaysia. Masyarakat juga perlu diberikan pendedahan supaya tanggapan negatif terhadap kayu kayan negara dapat diatasi dengan sebaik mungkin. Saya berharap agar dengan adanya publisiti meluas ini akan dapat meningkatkan imej dan persepsi masyarakat kita terhadap kayu dan produk kayu tempatan.

Dalam hal ini kami akan meningkatkan usaha dalam menyalurkan maklumat secara jelas supaya tanggapan negatif ini dapat tangkis. Saya pasti masih ramai di kalangan kita yang kurang mempunyai maklumat serta kurang arif di dalam hal-hal perkayuan di negara kita contohnya spesies yang bersesuaian untuk produk-produk tertentu, bagaimana untuk menggunakan spesies tersebut serta mutu kayu tempatan.

Pada masa kini, industri kayu kayan merupakan industri ke 2 terbesar dalam sektor komoditi dari segi sumbangan kepada ekonomi negara. Pada tahun 2008 sebanyak RM7.9 bilion telah disumbangkan di pasaran domestik. Kami berharap supaya rakyat negara kita mengambil peluang sebaik mungkin mengaplikasikan penggunaan kayu serta produk perkayuan dalam kehidupan seharian. Kita patut bersyukur kepada Illahi kerana negara ini telah dilimpahi dengan berbagai-bagai sumber alam termasuklah sumber kayu.

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada hari ini saya amat berharap agar kita sama-sama memertabatkan kayu kayan negara kerana kegunaannya yang pelbagai dan tidak terhad. Selain daripada itu, membeli barangan produk buatan Malaysia dapat mengurangkan aliran pertukaran mata wang asing dan seterusnya dapat menjana pembangunan perusahaan kayu kayan tempatan terutama sektor SME/PKS dalam negara.

Akhir kata saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur majlis pada pagi ini, serta pihak industri yang sentiasa menyokong dan banyak membantu MTIB tanpa jemu dalam merangsang dan menggerak pertumbuhan ekonomi industri kita ini. Tidak lupa juga kepada pihak media yang senantiasa memberi sokongan kepada sektor berasaskan kayu melalui rencana-rencana serta maklumat-maklumat berkenaan perkayuan negara untuk tatapan umum dan jalinan kerjasama ini amat memberikan makna yang besar kepada saya serta seluruh warga MTIB dalam usaha kami untuk memudahcarakan pembangunan industri perkayuan negara.

Tidak ketinggalan juga ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada YB Dato; Hamzah Zainuddin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi atas kesudian beliau menghadiri majlis pelancaran ini.

Sekian terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA.  
Kuala Lumpur